

FPP

June - November 2024

# BizNewz

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

*Permingaan Produk*

## TEBALOI

## work-life BALANCE

## The Power of PHYSIOTHERAPY

## wanita dan MOTOSIKAL

*sustainable*  
**SKINCARE**

## Mental Toughness in Athletic Performance

eISSN 2600-9811



9 772600 981003

Publication Date  
25 October 2024

# CREATEPRENEUR 2024

## ANJURAN UITM CAWANGAN PERLIS PAMER BAKAT KEUSAHAWANAN MAHASISWA

Sharir Aizat Kamaruddin  
Unit Komunikasi Korporat,  
Universiti Teknologi MARA,  
Cawangan Perlis, Perlis, Malaysia.

Emel koresponden:  
[shariraizat@uitm.edu.my](mailto:shariraizat@uitm.edu.my)

ARAU – Akademi Pembangunan Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis bersama Fakulti Pengurusan Perniagaan (FPP), Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Perlis telah menganjurkan Program Createpreneur 2024 dan Jualan Agro Madani.

Program telah berlangsung pada 13 Jun 2024, bertempat di perkarangan Kompleks STAR, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis.

YBrs Koordinator Keusahawanan MASMED merangkap Pengarah Program



**Gambar 1:** YBrs Pengarah FAMA Negeri Perlis, En. Mohd Anzara Azizan bergambar bersama peserta program New Breed Marketing Entrepreneur (NBME) sempena Createpreneur 2024



**Gambar 2:** Createpreneur 2024 memberi ruang mahasiswa melakukan pertunjukkan pameran dan jualan produk agroteknologi berteraskan bidang inovasi, sains and teknologi pertanian

Createpreneur 2024 dan Jualan Agro Madani, Dr. Farah Lina Azizan berkata tujuan program ini diadakan adalah bagi memupuk bakat keusahawanan berteraskan elemen sains, teknologi dan inovasi dalam bentuk program inkubasi bagi melahirkan lebih banyak pemula (startup) bidang perniagaan baharu.

*“Createpreneur merupakan sebuah program khas Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) yang berslogan “Kami Ajar, Anda jual” dimana ia merupakan suatu inisiatif untuk merangsang dan membudayakan keusahawanan dalam kalangan para akademik dan mahasiswa serta penglibatan komuniti setempat melalui program universiti,” kata beliau.*

“Penganjuran program ini sarat dengan pelbagai aktiviti seperti perkongsian dan pemindahan ilmu keusahawanan daripada pihak industri luar dan staf akademik dalam usaha untuk mengembangkan kemahiran keusahawanan



**Gambar 3:** Createpreneur 2024 mencungkil bakat keusahawanan kalangan mahasiswa dalam usaha melahirkan lebih ramai graduan universiti memilih kerjaya sebagai usanawanan perniagaan

dan perniagaan serta membina jaringan perniagaan,” tambah beliau lagi.

Beliau juga berkata penganjuran program ini adalah bertepatan agenda Globally Renowned University 2025 (GRU2025) oleh UiTM dan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi.

“Penganjuran program ini selaras dengan hasrat untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia dengan melahirkan graduan berciri keusahawanan dan usahawan siswazah yang kompetitif dan lestari sebagaimana yang digariskan dalam GRU2025 dan Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021-2025,” kata beliau.

Pelbagai aktiviti yang telah dijalankan antaranya ialah New Breed Marketing Entrepreneur



**Gambar 4:** Gerai dan reruai pameran mewarnai Createpreneur 2024 yang berlangsung di perkarangan Kompleks STAR, UiTM Cawangan Perlis

(NBME), Edukasi Tani, Mini Bazaar, Pameran Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), dan Jualan Agro Madani.

YBrs Dr. Farah Lina Azizan juga berkata mahasiswa yang terlibat dalam program ini mampu tersemay dengan nilai-nilai keusahawanan seperti kemampuan untuk menghasilkan idea baru dan inovatif, menerbitkan nilai kreativiti dalam mengembangkan produk, perkhidmatan, atau proses yang unik, mengasah kemahiran komunikasi dan memahami pasaran sasaran dan keperluan pelanggan.

“Mahasiswa yang terlibat dengan program ini akan mendapat banyak pengetahuan tentang pengurusan kewangan, belanjawan, dan perancangan kewangan selain mampu menilai keupayaan untuk mendapatkan sumber dana dan mengurus perbelanjaan dengan efektif,” kata beliau.

Dr. Farah Lina Azizan juga berharap juga dengan penganjuran program ini, mahasiswa dapat mengaplikasikan kemahiran praktikal seperti perancangan perniagaan, pengurusan kewangan, pemasaran, dan penjualan serta dapat mengembangkan kemahiran komunikasi, kepimpinan, dan pengurusan pasukan.

“Saya percaya mahasiswa yang terlibat akan lebih bermotivasi untuk memulakan perniagaan mereka sendiri atau mengambil inisiatif dalam organisasi dan mampu menerbitkan idea-idea baru dan berinovasi dalam perniagaan atau projek yang mereka sertai,” kata beliau.

Turut hadir ke Program Createpreneur 2024 adalah YBrs Pengarah FAMA Negeri Perlis, En. Mohd Anzara Azizan; YBrs Ketua Pusat Pengajian Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, En. Saiful Akbar Mohamad Sahal; YBrs Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengurusan Perniagaan, Dr. Ismaili Ismail; dan YBrs Timbalan Pendaftar Kanan UiTM Cawangan Perlis, En. Mohd Khairul Ab Razak.

Sebagai Kesimpulan, majlis telah berjalan dengan lancar dan mencapai objektif seperti mana yang diharapkan.



**Gambar 5:** YBrs Pengarah FAMA Negeri Perlis, En. Mohd Anzara Azizan berkesempatan melawati gerai-gerai jualan makanan dan beramah mesra dengan mahasiswa



eISSN 2600-9811



9 772600 981003

BizNewz 2024

Faculty of Business and Management

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA

Tel: +609-8400400

Fax: +609-8403777

Email: biznewzuitm@gmail.com